



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 1 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN MALAYSIA PERTIMBANG BENARKAN EKSPORT AYAM SEMULA, BERITA MEDIA CORP -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2022	BERITA MEDIA CORP	ONLINE	

Kerajaan M'sia pertimbang benarkan eksport ayam semula



JASIN: Kerajaan Malaysia akan mempertimbangkan untuk memberi semula kebenaran mengeksport ayam ke luar negara, berikutan bekalan dalam pasaran negara kembali stabil selain pengeluarannya melebihi permintaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Ahmad Hamzah berkata pengumuman mengenai perkara itu dijangka dibuat dalam masa

terdekat pada bulan ini.

“Kementerian telahpun berjaya menyelesaikan apa jua aduan dan rungutan orang ramai berkaitan isu kekurangan ayam dan telur yang dihadapi sebelum ini dan pada masa kini, bekalannya telah berlebihan.

“Perkara ini telah diteliti di peringkat kementerian setelah menerima permohonan daripada penternak-penternak,” katanya kepada wartawan di Merlimau, Jasin, pada Sabtu (1 Okt).

Mengulas lanjut, Encik Ahmad berkata ketika ini, tahap sara diri (SSL) untuk ayam adalah 104 peratus, manakala SSL bagi telur adalah 115 peratus dan melepasi permintaan dalam negara.

Beliau menambah sebelum ini, kerajaan hanya membenarkan sebanyak 3.6 juta ekor ayam dieksport ke luar negara sebelum ia dihentikan pada 1 Jun lalu. Bagaimanapun, jumlah sebenar yang dibenarkan selepas ini akan diketahui dalam pengumuman yang dibuat.

“Jadi kita tunggu sahajalah. Kerajaan akan umumkan mengenai perkara ini sedikit masa lagi,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi akan meneliti untuk menetapkan harga siling ayam dan mengkaji untuk membenarkan produk tersebut dieksport semula.